

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAAN SISA SIFAR
TAMAN BAGAN LALANG,
BUTTERWORTH
11 SEPTEMBER 2016 (AHAD), 9.30 AM**

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas & Tebatan Banjir

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar

Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Berusaha Encik Chan Poh Kang

Pengerusi Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang

Yang Berusaha Encik H'ng Kim Soon

Pengarah Urusan I Seek Nature Sdn Bhd

Semua Pengerusi/Setiausaha

JKKK Kawasan Parlimen Bagan

Ketua - ketua Jabatan

Penghuni-penghuni Taman Bagan Lalang

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat pagi dan salam sejahtera,

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebagai makluman semua, Taman Bagan Lalang telah mula bergiat dalam program kitar semula sejak tahun 2011 dan pusat sumber alam sekitar ditubuhkan di bawah inisiatif YB Phee Boon Poh. Kempen pengasingan sisa diadakan dari rumah ke rumah dan penghuni

menyimpan barang kitar semula di rumah atau membawanya ke pusat pengumpulan. Pasukan Kerja Taman Bagan Lalang mengadakan kutipan dari rumah ke rumah pada hari Ahad pertama setiap bulan. Dalam tempoh lima tahun, sebanyak 68.72 tan barang kitar semula berjaya dikumpul dan hasil jualan sebanyak RM19,927.89 telah diperolehi dan pendapatan ini digunakan untuk kerja amal. Terima kasih kepada pengurusan kerana sudi mengambil bahagian dalam program sisa sifar bersama MPSP.

Program yang akan dilaksanakan ialah pengasingan sisa di punca, pengumpulan minyak masak terpakai dan pengumpulan sisa dapur untuk pengkomposan. Keterbukaan pihak Pasukan Kerja Taman Bagan Lalang dalam menerima MPSP untuk menjalankan program sisa sifar merupakan satu langkah permulaan yang penting untuk membentuk sebuah komuniti yang lestari.

Para hadirin yang dihormati,

Taman ini juga menjalankan banyak aktiviti, antaranya ialah pengkomposan di halaman rumah, kebun kejiranan dan ceramah kesedaran. Sukacita, dimaklumkan bahawa Syarikat I See Nature Sdn

Bhd akan menyumbangkan sebuah mesin kompos bagi pengkomposan komuniti dan akan diserahkan pada hari ini. Selain itu, Pasukan Kerja LA21 MPSP akan membekalkan bekas 5 liter bagi penghuni mengisi sisa organik dan hantar ke pusat ini untuk pengkomposan. Tahniah diucapkan kepada Pasukan Kerja Taman Bagan Lalang kerana telah mengambil bahagian dalam program sisa sifar.

Selain itu, Syarikat Flatbusta Asia Pacific Sdn Bhd juga membantu bagi aktiviti pengumpulan minyak masak terpakai rumah kediaman. Bekas mengisi minyak masak terpakai disumbangkan oleh syarikat ini kepada penghuni rumah. Taman ini merupakan perumahan kedua yang mengambil dalam bahagian dalam program ini iaitu selepas Pangsa Tangjung Indah. Minyak masak yang dikumpul akan digunakan untuk membuat biodiesel. Saya dimaklumkan bahawa mesin membuat biodiesel akan dipamerkan pada hari ini.

Para hadirin yang dihormati,

Bermula 1 Jun 2016, pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca telah dijalankan. MPSP bertanggungjawab dalam memungut sisa kitar semula bagi kawasan taman perumahan.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka sebelum dilupuskan kepada dua kategori iaitu, barang kitar semula dan sisa baki. Kaedah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah. Kaedah ini dipilih kerana mudah dilaksanakan dan mudah diterima oleh masyarakat.

Menguruskan sisa bukanlah satu kerja yang mudah, kerana ia memerlukan kerjasama antara semua iaitu penduduk dan pihak MPSP sendiri. Setiap hari, sekitar 1,800 tan sisa dari negeri Pulau Pinang dilupuskan di Pulau Burung dengan pecahan 1100 tan daripada MPSP dan 700 tan daripada MBPP. Lama kelamaan, tapak pelupusan ini akan penuh dan tapak baru harus dikenal pasti dan disediakan untuk menampung sisa negeri. Mencari tapak baru di negeri Pulau Pinang untuk tapak pelupusan sampah baru adalah mencabar kerana tanah adalah terhad dan mahal.

Jika penduduk Seberang Perai boleh mengurangkan sisa sebanyak 50%, iaitu dari 1100 tan kepada 550 tan sahaja sehari, MPSP dapat menjimatkan RM11,110 *tipping free* dalam sehari. Kita sedia maklum, *tipping fee* bagi satu tan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah

RM20.20. Dengan pengurangan sebanyak 50% sisa ini, penjimatan dalam tempoh sebulan ke atas *tipping fee* ialah RM333,300 dan untuk setahun penjimatan MPSP akan mencecah RM4 juta.

Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negeri Pulau Pinang untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca. Amalan untuk mengasingkan sisa baki dan bahan kitar semula ini boleh mengurangkan sisa yang di hantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita.

Kadar kitar semula di Pulau Pinang merupakan kadar kitar semula yang tertinggi di Malaysia iaitu 32% dan kadar kitar semula MPSP adalah 39%. Ini telah melebihi kadar sasaran iaitu 20% yang ingin dicapai diperingkat kebangsaan menjelang 2020. Walau bagaimanapun, kadar ini masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju.

Hadirin yang dirahmati,

Program sisa sifar ini secara langsung dapat mendidik penghuni Taman Bagan Lalang khususnya dan masyarakat Pulau Pinang secara amnya

untuk menjadikan pengasingan sisa di punca sebagai satu amalan harian. Bermula dari tempat kerja hinggalah ke dalam institusi kekeluargaan maka pengembelengan kedua-dua institusi ini pasti dapat menjadikan Seberang Perai dan sekaligus Pulau Pinang sebuah negeri yang mengamalkan sisa sifar dengan jayanya.

Jika warga Seberang Perai dapat mencontohi penduduk Taman Bagan Lalang, pengurangan sisa organik dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung dapat dicapai.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.